

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
MEJAR (B) HAJI MAHAMAD BASRI BIN DIN PGB,
PANGLIMA GAGAH BERANI

MUHAMAD AMIRUDIN BIN MOHD FAISAL

(2016586691)

MOHD DZAIRIL AZHAR BIN CHE DARUS

(2016708979)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MARCH 2018 - JUN 2018

ISI KANDUNGAN

1.0	SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	ii
2.0	PENGHARGAAN	iii
3.0	ABSTRAK	iv
4.0	Pengenalan	1
5.0	BIODATA	
5.1	PENEMUBUAL 1	2
5.2	PENEMUBUAL 2	3
5.3	TOKOH	4
6.0	TRANSKRIP TEMUBUAL	5-30
7.0	SENARAI SOALAN	31-34
8.0	LOG TEMUBUAL	35-37
9.0	INDEKS	38-39
10.0	RUJUKAN	40
11.0	LAMPIRAN	41-42...

2.0 PENGHARGAAN

Segala Pujian hanya bagi Allah Subbahanallah Wataala

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah kumia-Nya kami dapat menyiapkan projek sejarah lisan ini dengan sempurna mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh pensyarah kami. Setinggi tahniah dan sekalung penghargaan yang tidak temilai untuk tokoh yang kami pilih bagi menjalankan projek yang amat bermakna ini. Mejar (B) Haji Mahamad Basri bin Din yang merupakan seorang tokoh yang mempunyai banyak pengalaman sebagai seorang bekas anggota tentera darat yang menentang komunis.

Seterusnya, jutaan terima kasih kepada pensyarah kesayangan kami, Dr. Azree Ahmad, pensyarah untuk subjek "Oral Documentation" (IMR 604). Beliau tidak lokek memberi tunjuk ajar, nasihat serta tergunan dalam membimbing kami menyiapkan tugas ini dengan lengkap dan betul.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih untuk ibu bapa kami. Mereka banyak memberikan sokongan dan membantu dalam urusan kewangan untuk menyiapkan tugas ini. Mereka menghidup dan menaikkan semangat kami ketika kami dalam kesusahan tanpa rasa jemu dan mengeluh walau sedikit.

Akhir sekali, kami mengucapkan berbanyak terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang menghulurkan bantuan di saat kami memerlukan. Terima kasih untuk pertolongan mereka secara langsung mahupun tidak langsung dan tidak kira bagaimanapun cara mereka membantu.

Hanya Allah yang dapat membalas jasa kalian semua. Terima kasih sekali lagi.

Sekian, wassalam.

Muhamad Amirudin bin Mohd Faisal 2016586591

Mohd Dzairil Azhar bin Che Darus 2016708979

3.0 ABSTRAK

PANGLIMA GAGAH BERANI: MEJAR (B) HAJI MAHAMAD BASRI BIN DIN

Mohd Dzairil Azhar Bin Che Darus

Muhamad Amirudin Bin Mohd Faisal

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi Mara

Kampus Sungai Petani

Merbok, Kedah

zairil.azhar@gmail.com & amirudinfaisal9621@gmail.com

ABSTRAK

Temubual ini mengenai Mejar (B) Haji Mahamad Basri Bin Din (PGB) yang merupakan seorang pesara anggota Tentera Diraja Malaysia yang telah dianugerahkan dengan Pingat Gagah Berani (PGB) diatas semua sumbangan beliau yang telah berkhidmat untuk menentang komunis demi keamanan negara. Semua perbualan telah direkodkan bagi melaksanakan transkrip temubual Pendokumentasian Lisan (Oral Documentation) ini. Dua operasi yang telah direkodkan ialah Operasi Indera 1 iaitu pertempuran Sungai Liang pada 11 Januari 1974 dan Operasi Indera 2 iaitu pertempuran Sang Lee Estate pada 6 Disember 1974 dimana kedua-dua operasi ini, Mejar (B) Haji Mahamad Basri Bin Din (PGB) telah mengetuai pasukan Platun 4. Setelah ditemuramah, beberapa informasi tentang tragedi yang telah berlaku sepanjang kedua-dua operasi itu dilancarkan.

Kata kunci: komunis, Operasi Indera 1, Operasi Indera 2, Pingat Gagah Berani (PGB), Sungai Liang, Sang Lee Estate

4.0 PENGENALAN

Kami (Muhamad Amirudin bin Mohd Faisal dan Mohd Dzairil Azhar bin Che Darus) telah memilih Mejar (B) Haji Mahamad Basri bin Din sebagai tokoh dalam subjek IMR 604 - Oral Documentation. Beliau mempunyai kriteria-kriteria yang memenuhi dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Dr. Azree Ahmad iaitu pensyarah bagi subjek ini.

Tujuan kami memilih Mejar Basri adalah untuk mendapatkan sedikit sebanyak maklumat tentang perjuangannya menentang komunis dahulu. Jadi, maklumat tentang perjuangan prajurit-prajurit untuk menentang penganas komunis dalam mengecapi sebuah kemerdekaan yang dimiliki sekarang akan dipelihara seperti kata pepatah “tidak lapuk dek hujan tidak lekang dek panas” untuk generasi akan datang.

Tujuan seterusnya dalam temuramah ini, kami memilih Mejar Basri adalah kerana beliau merupakan Ketua Kumpulan bagi unit Rejimen Renjer. Oleh itu, semestinya banyak maklumat yang akan kami perolehi daripada temuramah ini kerana beliau yang mengetuai setiap misi perjuangan dan setiap tindak-tanduk anak buah di bawah arahnya dalam perjuangan.

Beliau tinggal di Kampung Putat, Tunjang, Jitra, Kedah dan telah berkahwin. Kerjaya beliau dalam ketenteraan bermula pada 10 Jun 1971. Semasa bertugas, pengalaman beliau dalam menentang komunis termasuklah jumlah anggota yang terkorban dan taktik yang digunakan untuk menentang komunis akan diceritakan.

Akhirulakhir, Mejar Bersara Mahamad Basri bin Din wajar dijadikan contoh kepada anak muda dalam mengenal erti sebenar perjuangan demi mendapatkan kemerdekaan. Kami difahamkan usia beliau dalam mengetuai misi perjuangan seawal 23 tahun. Semangat dan usaha beliau dalam menentang komunis boleh dijadikan contoh kepada anak muda dalam mengecapi sesuatu.